

# MESYUARAT PEMERINTAHAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN UDARA SIRI 2/2019

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5492-mesyuarat-pemerintahan-pendidikan-dan-latihan-udara-siri-2-2019](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5492-mesyuarat-pemerintahan-pendidikan-dan-latihan-udara-siri-2-2019)

MELAKA, 10 Okt 19 – Mesyuarat Pemerintahan Pendidikan dan Latihan Udara Siri 2/19 telah diadakan di Hotel Holiday Inn Melaka bermula 7 hingga 10 Okt 19.

Mesyuarat ini bertujuan membincangkan isu-isu berhubung pendidikan dan latihan dalam TUDM selain memberi peluang kepada pemerintahan di unit-unit naungan Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan Udara (MPPLU) mengemukakan cadangan dan maklumbalas kepada Panglima atau Pegawai Staf.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Lt Jen Dato' Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM. Ketua Staf Markas, Brig Jen Dato' Hj Sanusi bin Hj Samion TUDM, komandan-komandan, pegawai memerintah unit naungan MPPLU serta pegawai staf turut hadir dalam mesyuarat tersebut.

